



## NEIL KEENAN UPDATE | Tiada Sesiapa Yang Melakukan Dengan Lebih Baik – Itulah Sebabnya

<http://neilkeenan.com/neil-keenan-update-nobody-does-it-better-thats-why/>

22 Disember 2015

### Lebih Baik Lambat Daripada Tiada: Tepat Pada Saat-Saat Akhir!

Dengan terungkapnya Neil Keenan memegang jawatan sebagai M1 / N1, sekali lagi kita harus menjawab soalan-soalan yang kurang kepentingannya. Agak jelas bahawa reaksi dan kecaman yang kuat terhadap berita ini adalah daripada individu-individu yang tidak meyumbang walaupun satu perkara ke arah menjadikan dunia ini lebih baik – tidak ada satu pun tindakan yang nyata untuk memperbaiki keadaan manusia. Mereka mencari sebarang maklumat tidak mengira dari mana datangnya.

Jadi, marilah kita memberi tumpuan untuk bertindak. Satu Garis Masa telah disusun oleh kami merangkumi beberapa informasi sejarah yang juga menggabungkan beberapa peristiwa dimana Neil Keenan dan Group K bukan setakat melibatkan diri tetapi juga mencipta dan memberi amaran untuk membantu mengelakkan bencana., yang diantaranya mempunyai kemungkinan menjadi bencana yang luar biasa. Hal ini boleh membuka minda dan persepsi buat orang di luar sana yang hanya mengetahui tentang tuntutan mahkamah Neil, dan juga buat orang ramai yang hanya bercakap kosong tentang perkara yang mereka tidak tahu kebenarannya.

Ia adalah ungkapan yang terbaik apabila Neil digelar sebagai seseorang yang mengharungi dan menghancurkan halangan dan lawan secara seorang diri; terus beraksi, tidak pernah menyerah kalah, pernah dijatuhkan tetapi tetap bangun semula. Tetapi, orang tidak dapat menjatuhkan lelaki yang berniat baik.

### Garis Masa – Biar Tindakan yang Berbicara

Maklumat Garis Masa yang seterusnya merangkumi pencapaian Neil Keenan dan Group K. Tindakan dan tujuan mereka telah berhasil membawa kepada ke arah beberapa peristiwa tertentu, dan seterusnya mencetuskan rangkaian berkaitan peristiwa di mana Neil dan pasukannya telah campur tangan untuk membantu kita semua (walaupun ketika kita sedang tidur).

Di bawah adalah beberapa sorotan ringkasan kerja yang Neil telah berjaya melakukannya. Dengan membaca dokumen penuh, usaha wajar anda akan mendedahkan bahawa Neil Keenan telah menyediakan perubahan yang mendalam dan pendedahan peristiwa dan keadaan dunia, dan bahawa dia telah "aktif jiwa dan raga" dalam mempengaruhi perubahan yang besar ke atas planet ini :

**2008:** Neil Keenan diberi kepercayaan dan kuasa untuk mewakili aset kekayaan Keluarga Dragon

**2009:** Keenan secara peribadi menerima hak penjagaan Nota Rizab Persekutuan (Federal Reserve Notes)

**2011:** Keenan menerima Surat Kuasa Wakil dari Dr. Edy Seno Soekanto

**2011:** Keenan menjadikan "Monaco Accords" sebagai mesyuarat 57 menteri global

**2011:** Keenan memfailkan Tuntutan Trillion Dolar (Trillion Dollar Lawsuit) untuk pengembalian saham-saham yang telah dicuri

**2012:** Keenan memfailkan permohonan Lien\* terhadap Bank Sentral kelompok G7 dan 12 Bank dari FED (Federal Reserve = Bank Sentral Amerika) \*hak untuk memegang hak milik harta kepunyaan orang lain sehingga hutang dilangsaikan

**2012:** Keenan menjatuhkan beberapa orang pemimpin atasan: Beberapa menteri dan seorang Ratu

**2013:** Keenan melaporkan bahawa beberapa patriot menghentikan satu rancangan meletupkan kepala peledak nuklear

**2013:** Keenan pergi ke ibu kota perbankan dan berjumpa dengan pemimpin-pemimpin utama Kabala

**2014:** Keenan mengumumkan, bahwa IRS (Internal Revenue Service = Agensi kerajaan AS yang bertanggungjawab untuk kutipan cukai dan penguatkuasaan undang-undang cukai ) sebagai sebuah entiti asing

**2014:** Keenan mencadangkan idea "No-Fly Accords," zon larangan terbang antarabangsa

**2014:** Keenan menghalang perjanjian bernilai kuadrillion dolar diantara Sultan Sulu & Vatican

**2014:** Keenan mendedahkan rompak emas terbesar dalam sejarah yang berlaku di S. Korea

**2014:** Keenan menghalang Jepun daripada menyerang Indonesia dengan cubaan untuk merompak emas

**2014:** Keenan mendedahkan rancangan Clinton Foundation untuk menggulingkan Indonesia

**2014:** Keenan adalah orang Barat pertama yang memasuki “bunker” penyimpanan kekayaan

**2014:** Keenan mengeluarkan notis "Cease & Desist" (sering kali langkah pertama untuk meminta individu, atau perniagaan, untuk menghentikan aktiviti haram) kepada Amerika Syarikat

**2014:** Keenan membongkar rancangan perluasan Kabala untuk mengambil emas dari Thailand

**2015:** Keenan menawarkan “Book of Codes & Maklumat” kepada penerima-penerima yang sesuai dan sepatutnya

**2015:** Keenan melaporkan bahawa pesawat Germanwings ditembak jatuh oleh pihak US / NATO

**2015:** Keenan mengumumkan bahawa World Economic Forum (WEF) diadakan di Jakarta

**2015:** Setelah menandatangani beberapa dokumen, Keenan akan dikenali sebagai Number 1 (N1 dari GCA - Global Collateral Account)

Klik pada pautan di bawah untuk membaca sejarah penuh dan garis masa peristiwa:

### [Neil Keenan: History & Events Timeline](#)

[Maklumat ini terdiri daripada keseluruhan seksyen baru laman web ini, boleh diakses dari bar navigasi utama]

Dipetik daripada petikan pegawai Pentagon berpangkat tinggi: "Kumpulan jalanan kecil yang dikenali sebagai Group K, sebenarnya telah melakukan lebih daripada apa yang akan kos kita dan agensi untuk melakukan kerja sedemikian - dalam jumlah 100 kali ganda jutaan dolar."

Sementara negara-negara utama telah menjatuhkan prestasi dunia, “tukang-tukang jahit wanita” di Group K sedang bersama-sama sibuk menjahit kembali supaya dunia menjadi satu.

Sedang pihak Kabala ligat menjadi dalang negara-negara utama supaya berhadapan dengan satu sama lain dalam perebutan kuasa terbesar yang pernah berlaku di planet ini, mereka gagal memberi perhatian kepada kumpulan kecil yang menyelinap melalui retak-retak kecil dan meruntuhkan asas-asas mereka. Ini adalah peluang buat kita - dan kita akan senantiasa mengambil kesempatan daripada kelebihan yang kita ada.

Kesimpulan Garis Masa ini masih dalam proses. The Elders telah sabar menunggu selama seratus tahun dan akhirnya mereka akan melihat bagaimana aset kekayaan

akan digunakan dengan cara yang sepatutnya seperti yang dinyatakan semasa penandatanganan Perjanjian Bretton Woods.

Sekarang, The Elders akan dapat merasa bangga di kalangan negara-negara mereka dan juga bangsawan-bangsawa dunia, dan akhirnya boleh menyatakan sesuatu yang tidak dapat diperkatakan oleh sesiapa pun selama ini dalam sejarah aset kekayaan: "Akhirnya, kita sudah berjaya melakukan!" Mereka telah menjumpai orang pilihan Nombor 1 mereka, yang akan membawa jalan untuk mencapai visi dan impian mereka.

Sambil kita menunggu peristiwa "akhir" untuk ditambah kepada Garis Masa ini, semua usaha dapat dilihat dengan jelas – melindungi manusia, mengembangkan kesedaran tentang kejadian apa yang sebenarnya berlaku dan berinteraksi dengan orang-orang yang berada dalam kedudukan yang dapat mengubah dunia.

Semua usaha kerja ini adalah melalui pengorbanan Neil dan juga pasukan beliau. Sebagai contoh, ini adalah tindakan yang boleh dilakukan ke arah untuk menyatukan dunia dimana kita boleh berkembang maju tanpa perhambaan dan kelulusan bagi penghapusan.

Kami melakukan apa yang kami lakukan kerana ini adalah siapa diri kami. Ini tidak berkaitan dengan realisasi harapan dan impian pada penghujung. Ini berkaitan tentang hak kelahiran kami dan jalan kukuh yang dibentuk, agar yang lain dapat mengikuti dan memberi sokongan.

Ketika orang-orang menangis dengan tidak berdaya mengisytiharkan "Tiada apa-apa yang berlaku!", Kami mengajak para pembaca untuk menyedari apa yang berlaku selama ini.

Adalah menjadi harapan kami bahawa kesedaran anda akan memberi inspirasi dan motivasi kepada ramai lagi untuk menyertai kami di sepanjang jalan ini yang telah disediakan oleh Neil dan pasukan untuk rakyat.

Bagi meraikan cuti dan tahun baru akan datang, kami harap dan ucapkan Keamanan, Kasih Sayang, Kegembiraan dan Muhibah kepada semua.

THE KEENAN TEAM

**Copyright © 2015, GROUP K, Ltd.**



GROUP **K** LTD, PANAMA CITY  
AUDACIBUS ANNUE COEPTIS

LOCATIONS: AUSTRALASIA, BULGARIA, DOMINICAN REPUBLIC, GERMANY, INDONESIA, JAPAN, PERU  
SINGAPORE, SWITZERLAND, THAILAND.